



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**BAGI**

**MAJLIS PENYERAHAN  
DEWAN KOMUNITI CORAL HEIGHTS,  
SIKAMAT, SEREMBAN**

**13 APRIL 2023, KHAMIS  
9.00 PAGI**

**DEWAN KOMUNITI CORAL HEIGHTS, SIKAMAT,  
SEREMBAN**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

**Assalamualaikum WTB**

**“SALAM BERSIH, MUAFAKAT, SEJAHTERA”**

**“SALAM SEREMBAN MAMPAN, BERSIH, SEJAHTERA”**

**“SALAM MALAYSIA MADANI”**

Yang Amat Berhormat,

Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun

Menteri Besar

Negeri Sembilan Darul Khusus

Yang Berbahagia,

Dato' Muhamad Nahar bin Haji Mohd Sidek

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)

Merangkap Pengarah UPEN

Yang Berhormat,

Dato' Dr. Mohamad Rafie bin Ab. Malek

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelaburan, Perindustrian,

Keusahawanan, Pendidikan dan Modal Insan

Merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Ampangan

Yang Berhormat,

Dato' Haji Mohamad Taufek bin Abd. Ghani

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Belia dan Sukan

Merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Paroi

Yang Berhormat,  
Tuan Haji Suhaimi bin Kassim  
Ahli Dewan Undangan Negeri Lenggeng

Yang Berusaha,  
Tuan Roslan Bin Mat Nong  
Pengarah Pembangunan Negeri  
Pejabat Pembangunan Negeri Sembilan

Ahli-Ahli Majlis  
Majlis Bandaraya Seremban

Pengamal Media Yang Sempat Hadir

Dan Seterusnya

Para hadirin sekalian

1. Syukur Alhamdulillah kepada Illahi kerana dengan izin dan limpah-Nya dapat kita juga Majlis Penyerahan Dewan Komuniti Coral Heights, Sikamat, Seremban diadakan pada hari ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan kerana dapat meluangkan masa hadir bagi bersama-sama meraikan hari bersejarah pada hari ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri dan pihak Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) kerana hadir ke majlis pada pagi ini. Tidak

lupa juga ucapan terima kasih semua hadirin yang hadir pada hari ini bagi memeriahkan lagi majlis.

Para hadirin sekalian,

2. Dewan Komuniti Coral Height dibina melalui peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM 4.0juta. Syarikat yang dilantik adalah Amin Haq (M) Sdn Bhd mulai Januari 2020 dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan ini. Walaupun projek ini dilihat lewat tetapi dewan ini telah digunakan beberapa kali oleh komuniti setempat dengan persetujuan pemilik projek.
3. Untuk makluman, punca kelewatan pembinaan dewan ini adalah kerana pihak perunding yang dilantik mengalami masalah kesihatan tidak mahu meneruskan pelaksanaan projek ini sehingga pihak Majlis Bandaraya Seremban terpaksa melantik perunding baharu.
4. Selain daripada itu, dewan yang berkeluasan 1,845 meter persegi berkapasiti 800 orang adalah dibina dengan rekabentuk generik dewan-dewan MBS yang lain seperti Dewan Taman Tasik Jaya, Dewan Taman Perwira, Dewan Komuniti Mantin dan Dewan Komuniti Seremban Jaya dilengkapi dengan kemudahan seperti berikut :-

- (a) Bilik mesyuarat ;
- (b) Pejabat ;
- (c) Bilik persalinan ;
- (d) Bilik alatan ;
- (e) Pentas ;
- (f) Tandas lelaki, wanita dan OKU ;
- (g) Empat gelanggang badminton ;
- (h) Gelanggang futsal ;
- (i) 83 unit tempat letak kereta ;
- (j) 33 unit tempat letak motosikal
- (k) Berhawa dingin.

5. Saya berharap dengan adanya dewan komuniti baharu ini akan dapat membantu penduduk setempat untuk beriadah dan berkumpul untuk mengadakan aktiviti kemasyarakatan dan komuniti bersama-sama. Saya juga berharap agar penduduk sekitar yang menggunakan dewan ini dapat menjaga fasiliti yang disediakan dengan sebaik mungkin.

## **PENUTUP**

Para hadirin sekalian,

6. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri dan Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) Negeri Sembilan kerana telah menyalurkan peruntukan bagi membina satu dewan komuniti bagi kegunaan bersama. Tidak lupa ucapan terima kasih sekali lagi kepada YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun,

Menteri Besar Negeri Sembilan yang sudi meluangkan masa hadir pada majlis hari ini.

7. Sekian, terima kasih.

**YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI**  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
13 APRIL 2023